

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Kluster majlis pengebumian

Putrajaya: Satu kluster membabitkan majlis pengebumian dilaporkan semalam membabitkan beberapa daerah di Melaka, Johor dan Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Kampung Gedang itu membabitkan daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah di Melaka; Petaling di Selangor serta Johor Bahru di Johor.

"Kes indeks dalam kluster ini seorang wanita warganegara Malaysia berusia 61 tahun dari Kampung Gedang, Alor Gajah yang dilaporkan positif Covid-19 pada 25 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala.

"Kes mula bergejala pada 16 Februari 2021 dan kluster ini membabitkan sebuah majlis pengebumian yang berlangsung pada 14 Februari lalu.

"Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Gedang, Alor Gajah manakala 35 daripada 86 individu disaring, dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya dalam

satu kenyataan media, semalam.

Turut dikesan satu kluster membabitkan pusat jagaan warga emas, Kluster Jalan Anak Gasing, di daerah Petaling Selangor, membabitkan kes indeks seorang wanita berusia 88 tahun yang mula bergejala pada 19 Februari lalu dan dilaporkan positif pada 27 Februari hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga kini, sejumlah 32 individu sudah disaring, dengan 20 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sembilan kluster lagi yang dilaporkan semalam adalah berkaitan tempat kerja iaitu, Jalan Perubatan, Tapak Bina Jalan MP, Balakong Satu dan Jalan Utarid di Selangor; Jalan DPB Lima di Johor; Jalan Bachok di Kelantan; Jalan PKNK 1/6 di Kedah dan Sri Jelutung di Pahang serta Jalan Sikamat Lama di Negeri Sembilan.

Kesemua 11 kluster baharu itu menyumbang kepada sejumlah 1,163 kluster jangkitan Covid-19 yang dikesan di negara ini.